




## DASAR

# KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak beriltizam untuk mengekalkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang selamat dan kondusif melalui pelaksanaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Bagi menjayakan dasar tersebut PSUK Negeri Perak komited untuk:

1. Menjadikan pengurusan keselamatan, kesihatan dan persekitaran pekerjaan sebagai aspek yang penting dan bersepada dalam pengurusan PSUK Negeri Perak;
2. Mempertingkatkan keseluruhan dasar, sistem dan prosedur kerja selamat dan sihat dari semasa ke semasa bersesuaian dengan peruntukan akta, piawaian amalan berkaitan;
3. Menyediakan sumber, sistem dan latihan yang mencukupi di samping meningkatkan kesedaran dan kompetensi pekerja untuk bekerja dalam persekitaran selamat dan sihat serta mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan;
4. Menyiasat dan mengambil tindakan penambahbaikan serta pencegahan dengan segera ke atas kemalangan pekerjaan dan penyakit pekerjaan yang berlaku dan dilaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab;
5. Menyebarluas informasi mengenai Akta-Akta, Dasar, Objektif, Prosedur Kerja, Peraturan dan Garis panduan berkenaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta maklumat berkaitan kepada warga PSUK; dan
6. Mengkaji semula dasar mengikut keperluan dari semasa ke semasa.



(DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM)

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

01 DISEMBER 2023